



# Majlis Rumah Terbuka Hari Raya UMS

Artikel oleh: Sylvencent Pokhan

Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat UMS telah diadakan pada 13 September 2013 di Dewan Kuliah Pusat, Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS. Pada tahun ini, SST menghidangkan Nasi Beriyani kepada tetamu yang bertandang ke gerai SST yang dihiasi dengan tumbuhan-tumbuhan hijau, selari dengan tema 'Beraya di Taman.' Kerjasama dan keakraban diantara kakitangan jelas terserlah apabila semua AJK yang dilantik sanggup berpenat lelah menghiaskan gerai sehingga larut malam. Beraya di UMS tidak kurang meriahnya seperti beraya di kampung halaman masing-masing.

